

**IN'SAN**  
KURNI BERKHASIAT  
Beverage Sdn Bhd (925970-U)

Rm45.00  
Rm25.85

Harga Promosi

atau bermula dengan  
Susu Kambing IN'SAN

Beli online di:  
[www.insan.net.my](http://www.insan.net.my)

Tasty Beverage HQ

QR code linking to [www.insan.net.my](http://www.insan.net.my)

GMP

Nestle

# Gesa mansuh permit pindah beras

**Kuala Lumpur:** Syarikat Faiza Sdn Bhd (SFSB) minta kerajaan memansuhkan permit pemindahan beras kerana ia melambatkan proses pengagihan, sekali gus memungkinkan pengeluar berdepan penalti lebih tinggi.

Pada masa sama, pengeluar beras terkemuka negara jenama Faiza itu turut menggesa kerajaan mengkaji semula kesesuaian kadar rebat jualan di pasar raya yang dianggap terlalu tinggi sehingga membebankan syarikat Bumiputera.

Pengasas dan Pengarah Urusannya Datuk Faiza Bawumi Sayed Ahmad berkata, pada masa ini, pemindahan keluar beras dari setiap daerah dikenakan permit yang memerlukan kelulusan kira-kira tiga hari bekerja.

"Contohnya penghantaran beras dari Johor ke Melaka memerlukan permit. Kelulusan untuk mendapatkan permit itu pula di Kluang, Johor.

"Ia mengambil masa untuk mendapatkan kelulusan segera dan mungkin berdepan dengan masalah cuti hujung minggu pada Ahad dan Jumaat yang berlainan setiap negeri.

"Ia melambatkan proses penghantaran beras sehingga menjaskan syarat



FAIZA menjawab soalan wartawan selepas mengadakan perbincangan dengan Majlis Penasihat Kerajaan, semalam.

penghantaran, kami terpaksa berdepan penalti terlalu tinggi oleh syarikat terbabit (pasar raya)," katanya ketika ditemui selepas mengadakan perbincangan dengan Majlis Penasihat Kerajaan (MPK) di sini, semalam.

Faiza berkata, peraturan permit itu diwujudkan sebelum ini disebabkan ancaman komunis pada masa lalu.

"Sekarang ini komunis sudah tiada. Jadi kesesuaian permit itu wajar dilihat semula," katanya.

Kerajaan juga, katanya, perlu mempertimbangkan pengurangan kadar rebat jualan di pasar raya yang pada masa ini dikenakan purata 15 peratus.

"Kadar sekarang terlampaui tinggi, sama seperti yang dikenakan terhadap syarikat antarabangsa.

"Kami berharap kadar itu dapat dikurangkan sebagai usaha membantu syarikat Bumiputera," katanya.

Beliau juga mengharapkan kerajaan menyediakan kemudahan kewangan atau pinjaman bagi membantu pengembangan syarikat Bumiputera di negara ini.

"Apa yang dilihat, penyediaan bantuan lebih memfokuskan kepada usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sedangkan kami sebagai peserta industri turut mengharapkan bantuan sama termasuk kewangan, produk dan peralatan," katanya.

## Kuala Lumpur

### Harga gula termurah di dunia

MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) dan Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR), pengeluar gula tempatan menegaskan tiada monopoli gula di Malaysia, sebaliknya harga gula dikawal sepenuhnya oleh kerajaan dan antara paling murah di dunia.

MSM dalam kenyataan berkata, kapasiti pengeluaran gula terkini berjumlah dua juta tan setahun dan merangkumi empat kilang penapisan.

"Permintaan gula tempatan dianggarkan 1.5 juta tan setahun dan secara tidak langsung menawarkan lebihan kapasiti 500,000 tan setahun.

"Selepas kilang penapisan gula di Johor beroperasi sepenuhnya, jumlah kapasiti akan meningkat kepada tiga juta tan gula setiap tahun," katanya.

MSM berkata, pengusaha industri seperti pengeluar produk minuman dan makanan turut mendapatkan gula melalui platform perdagangan komoditi global bagi gula mentah manakala pengeluar gula tempatan akan membuat pembelian bagi syarikat berkenaan, seterusnya mengimport gula yang diperoleh dan menapisnya dengan kadar bayaran tertentu.

Justeru, menurut MSM, menjadi tanggungjawab pengeluar tempatan untuk memastikan bekalan gula mencukupi di Malaysia.